

Dialog Polis Komuniti USIM

BEKERJASAMA. Bagi membanteras masalah jenayah, Pusat Kokurikulum Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan dialog 'Community Policing' baru-baru ini.

Dialog diketuai oleh Ketua

Polis Negeri Sembilan, Datuk Osman Salleh, para pegawai kanan polis dari cawangan jenayah, narkotik dan trafik serta Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin.

Program tersebut

bertujuan untuk mendekatkan USIM dengan komuniti dalam usaha menangani isu jenayah, kadar kemalangan dan lain-lain yang berkaitan dengan masalah masyarakat setempat.



OSMAN (tengah) bergambar bersama pegawai polis dan pihak pengurusan universiti selepas majlis dialog Polis Komuniti anjuran Pusat Kokurikulum USIM baru-baru ini.